



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN ATAS TALIAN PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP PROSES PdPR DENGAN MENGGUNAKAN PELANTAR DELIMa



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FADZLI BIN AHMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN ATAS TALIAN PENDIDIKAN
JASMANI TERHADAP PROSES PdPR DENGAN MENGGUNAKAN
PELANTAR DELIMa**

FADZLI BIN AHMAD



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)
(MOD KERTAS PROJEK)**

**FAKULTI SAINS SUKAN SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada.....8.....(hari bulan).....MAC....(bulan) 2022

i. Perakuan pelajar :

Saya, FADZLI BIN AHMAD (M20201000974)FSSK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN ATAS TALIAN PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP PROSES PdPR DENGAN MENGGUNAKAN PELANTAR DELIMa

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ROZAIREEN BIN MUSZALI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN ATAS TALIAN PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP PROSES PdPR DENGAN MENGGUNAKAN PELANTAR DELIMa

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

9 MAC 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Keberkesanan Modul Pembelajaran Atas Talian Pendidikan Jasmani
Terhadap Proses PdPR Dengan Menggunakan Pelantar DELiMA.

No. Matrik / Matric's No.: M20201000974

Saya / I: FADZLI BIN AHMAD

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 8/03/2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Dr. Rozairreen bin Muszali
Pensyarah Kanan,
Fakulti Sains Sukan & Kejuruteraan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900, Tanjong Malim, Perak.

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang maha pemurah lagi mengasihani, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Ku titipkan dedikasi teristimewa buat insan-insan hebat yang membawa seribu makna dalam hidupku. Dedikasi khas buat Isteri Tercinta, yang dikasihi, Intan Syafinar Bt Saleh dan anakanda-anakanda tercinta Faris, Qistina & Firdaus. Kalian semua pendorong dan penguat semangat serta sumber inspirasi dalam kejayaan ini. Terima kasih atas pengorbanan masa dan wang ringgit yang dihabiskan demi memastikan kejayaan ini.

Buat ayah dan bonda yang tersayang. Ahmad Bin Hussin & Sofiah Bt Abas. Mengenang perit jerih dalam meredah kepayahan dan menyusun langkah serta ketabahan kalian dalam mendidik ku, akhirnya anakmu berjaya menempuh dugaan dan cabaran bagi mengatur langkah kehidupan yang lebih sempurna sepanjang perjalanan ini. Keringatmu itu melahirkan rasa insaf kepadaku. Aku sungguh bertuah kerana memiliki kamu berdua. Buat pensyarah yang disanjung, Setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia saya, Dr. Rozaireen Bin Muszali atas komitmen, tunjuk ajar, teguran dan dorongan yang diberikan selama ini. Tidak lupa juga pada semua pensyarah yang mengajar, jasamu tetapku kenang. Nasihat dan teguran yang diberikan akan ku jadikan pedoman. Redhailah segala ilmu yang telah kau curahkan kepadaku. Segala tunjuk ajarmu menguatkan semangatku untuk terus berusaha gigih bagi mencapai cita-cita. Nasihatmu tetap terpahat di ingatan selamanya. Buat teman-teman seperjuangan, terima kasih atas sokongan dan kata-kata semangat kalian semua. Saya berharap dengan terhasilnya projek ini akan memberikan manfaat kepada kita semua.

BuatMu Ilahi, Tiada kata yang lebih indah selain aku bersyukur kepadaMu. Aku bertunduk syukur, limpah dan kurniaMu, menginsafi diriku, Semoga rahmatMu sentiasa melingkari hidupku...Amin...





ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan Modul Pembelajaran Atas Talian (PAT) Pendidikan Jasmani Terhadap Proses PdPR dengan menggunakan pelantar DELIMa sebagai medium utama proses pengajaran dan pembelajaran. Modul ini dihasilkan adalah untuk memenuhi kehendak pembelajaran semasa Pandemik COVID-19. Seramai 81 orang murid telah terlibat sebagai sampel kajian ini dan 2 orang guru terlibat dalam melaksanakan pengajaran menggunakan Modul PAT. Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah *The One Shot Case Study*. Kajian ini telah menggunakan instrumen penilaian formatif dalam menilai tahap keberkesanan Modul PAT. Selain itu juga instrumen soal selidik tahap persetujuan guru juga digunakan dalam mendapatkan tahap keberkesanan penggunaan Modul PAT yang telah dilaksanakan. Hasil kajian ini mendapati tahap persetujuan guru berada pada tahap yang tinggi iaitu mencapai 96.50% . Manakala tahap prestasi murid pula menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* .76. Ini menunjukkan nilai keesahan yang diperolehi boleh diterima pakai tahap keesahannya. Nilai $M=9.30$ dan $SD=2.12$. Kajian ini menunjukkan tahap pencapaian yang memberangsangkan . Selain itu juga modul ini dapat menarik minat murid serta mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam penggunaan ICT.





EFFECTIVENESS OF PHYSICAL EDUCATION ONLINE LEARNING MODULE ON PDPR PROCESS USING DELIM PLATFORM

ABSTRACT

This study is to evaluate the effectiveness of the Online Learning Module (PAT) of Physical Education on the PdPR Process by using the DELIMa platform as the main medium of the teaching and learning process. This module was produced to meet the learning needs during the COVID-19 Pandemic. A total of 81 students were involved as a sample of this study and 2 teachers were involved in implementing teaching using the PAT Module. This study was conducted using The One Shot Case Study method. This study has adopted a formative evaluation instrument in assessing the level of effectiveness of the PAT Module. Apart from that, the teacher agreement level questionnaire instrument was also used to obtain the level of effectiveness of the use of the PAT Module that has been implemented. The results of this study found that the level of teacher agreement was at a high level which reached 96.50%. While the level of student performance showed a Cronbach's Alpha value of .76. This indicates the validity value obtained can be adopted its level of validity. M value = 9.30 and SD = 2.12. This study shows an encouraging level of achievement. In addition, this module can attract students and diversify teaching methods in the use of ICT





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	xiv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Penyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian	12
1.6.1	Guru	12
1.6.2	Murid	13
1.6.3	Ibu Bapa dan Masyarakat	14
1.6.4	Kementerian Pendidikan Malaysia	14



1.7	Limitasi Kajian	14
1.8	Definisi Operasional	15
1.8.1	Modul Pembelajaran Atas Talian Permainan Bola Baling Terhadap Proses PdPR Menggunakan Pelantar DELIMa	15
1.8.2	Modul Atas Talian / Online	16
1.8.3	DELIMa	16

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Teori	19
2.2.1	Model Decide Design Develop-Evaluate (DDD-E)	20
2.2.2	Teori Konstruktivisme	23
2.2.3	Model ASSURE	25
2.3	Kerangka Teoretikal	26
2.4	Kajian-Kajian Berkaitan	28
2.4.1	Model ASSURE	29
2.4.2	Model DDD-E	33
2.4.3	Model Konstruktivisme	34
2.5	Rumusan	38

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	40
3.2	Rekabentuk Kajian	41



3.2.1	Kerangka Konseptual Kajian	43
3.3	Tempat dan Sampel Kajian	44
3.4	Instrumen Kajian	47
3.4.1	Pengukuran Instrumen Pentaksiran	47
3.4.2	Soal Selidik Persepsi Guru	49
3.4.3	Modul Pembelajaran Atas Talian (PAT) Pendidikan Jasmani Terhadap Proses PdPR Menggunakan Pelantar DELIMa dan Aplikasi <i>Google Classroom</i>	51
3.4.4	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	51
3.4.5	Prosedur Pengumpulan Data	55
3.5	Penganalisan Data	58

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.1	Demografi Responden	61
4.2	Nilai Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul Pembelajaran Atas Talian (PAT) Terhadap Proses PdPR Dengan Menggunakan Pelantar DELIMa	62
4.3	Tahap Pencapaian Murid Terhadap Penggunaan Modul Pembelajaran Atas Talian Pendidikan Jasmani Terhadap Proses PdPR Dengan Menggunakan Pelantar DELIMa Dan Aplikasi <i>Google Classroom</i> .	63
4.4	Menilai Sejauh Mana Tahap Persetujuan Guru Dengan Penggunaan Modul Pengajaran Secara Atas Talian Dengan Menggunakan Pelantar DELIMa.	65
4.5	Kesimpulan	66



**BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	67
5.1.1	Nilai Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Pengajaran Pendidikan Jasmani Bagi Kemahiran Asas Permainan Bola Baling Terhadap PdPR Dengan Menggunakan Pelantar DELIMa	68
5.1.2	Tahap Pencapaian Pembelajaran Murid Dengan Menggunakan Modul Pembelajaran Pendidikan Jasmani Bagi Kemahiran Asas Permainan Bola Baling Terhadap PdPR Dengan Menggunakan Pelantar DELIMa	69
5.1.3	Tahap Persetujuan Guru Terhadap Keberkesanan Modul Pengajaran Atas Talian Pendidikan Jasmani Terhadap PdPR Dengan Menggunakan Pelantar DELIMa	70
5.2	Kesimpulan	70
5.3	Penghasilan Model Pengajaran Bola Baling Sebagai Satu Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Pelantar DELIMa dan Aplikasi <i>Google Classroom</i> Dalam Pendidikan Jasmani Terhadap PdPR	73
5.4	Implikasi	74
5.4.1	Implikasi Kepada Guru	75
5.4.2	Implikasi Kepada Murid	75
5.4.3	Implikasi Kepada Ibu Bapa Dan Masyarakat	76
5.4.4	Implikasi Kepada Kementerian Pendidikan	77
5.4.5	Implikasi Kepada Institut Pengajian Tinggi	77
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	78

RUJUKAN	79
---------	----

LAMPIRAN	84
----------	----



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Perkara	Muka Surat
Jadual 3.1	Reka Bentuk Pra Eksperimen – Kajian Kes (<i>the one short case study</i>)	41
Jadual 3.2	Enrolmen Murid Tahun 5 SK Taman Dato Harun 2	46
Jadual 3.3	Perincian Sampel Kajian	46
Jadual 3.4	Aras Tahap Penguasaan Modul Online Pendidikan Jasmani Bagi Permainan Bola Baling Terhadap Proses PdPR Dengan Menggunakan Pelantar DELIMa	49
Jadual 3.5	Skala Tahap Kepuasan Dan Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan Modul Pembelajaran Atas Talian bagi Permainan Bola Baling Terhadap Proses PdPR Menggunakan Pelantar DELIMa.	50
Jadual 3.6	Aras Skala Tahap Kepuasan Dan Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan Modul Pembelajaran Atas Talian Bagi Permainan Bola Baling Terhadap Proses PdPR Menggunakan Pelantar DELIMa.	50
Jadual 3.7	Nilai Kesahan (r) <i>Alpha Chronbach</i> Item Panel Pakar (Kajian Rintis)	53
Jadual 3.8	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik Guru Terhadap Keberkesanan Modul Pembelajaran Atas Talian bagi Pendidikan Jasmani terhadap PdPR Dengan Menggunakan Pelantar DELIMa	54
Jadual 3.9	Jadual Matriks Penganalisan Data	58
Jadual 4.1	Taburan Peratusan Murid Mengikut Jantina	61
Jadual 4.2	Taburan Demografi Guru	61
Jadual 4.3	Nilai Kesahan (r) <i>Alpha Chronbach</i> Item Panel Pakar	63
Jadual 4.4	Deskriptif Ujian Formatif	63
Jadual 4.5	Taburan Peratusan Pencapaian Murid Mengikut Peratus.	64





SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Model DDD-E (Ivers dan Barrow, 2006)	21
Rajah 2.2	Model ASSURE	25
Rajah 2.3	Kerangka Teoritikal	26
Rajah 3.1	Kerangka Konseptual Kajian	43





SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PJS	Pendidikan Jasmani dan Sukan
PAT	Pembelajaran Atas Talian
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah
PdP	Pengajaram dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
DELIMa	Digital Educational Learning Initiative Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science.</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran
TP	Tahap Penguasaan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
YTL	Yeoh Tiong Lay





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Pengesahan Pelajar
- B Surat Panggilan Latihan Personal Bengkel Pengenalan *Google Classroom* & Pelantar DELIMA
- C Laporan Latihan Dalam Pekhidmatan Bengkel Pengenalan *Google Classroom* & Pelantar DELIMA
- D Instrumen Penilaian Ujian Formatif
- E Instrumen Soal Selidik Guru Terhadap Persepsi Guru Terhadap Instrumen Pembelajaran Atas Talian (PAT)
- F Modul Pembelajaran Atas Talian (PAT)
- G Senarai Pakar
- H Borang Penilaian Kesahan Pakar
- I Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- J Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- K Surat Kebenaran Sekolah Kajian





BAB 1

PENDAHULUAN



Pengenalan

Pendidikan di Malaysia adalah merupakan satu sistem asas yang sangat penting dalam usaha membangunkan satu masyarakat dan negara yang lebih baik di masa hadapan (Mior, 2011). Sistem pendidikan yang ada juga adalah merupakan satu medium yang bertujuan untuk merealisasikan perpaduan di antara kaum di Malaysia yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu juga pendidikan adalah satu proses penyampaian dan menimba ilmu pengetahuan untuk membangunkan daya intelek dan keyakinan diri manusia.



Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami banyak perubahan seiring dengan peredaran zaman dan perkembangan teknologi. Kementerian Pelajaran Malaysia (2004), pada ketika itu telah memulakan proses pendidikan ke arah penggunaan teknologi dengan pelancaran projek *SchoolNet* pada tahun tersebut. Projek ini telah mensasarkan 10,000 buah sekolah dengan capaian internet jalur lebar.

Projek Perkhidmatan 1BestariNet (1BestariNet) telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama YTL *Communications* Sdn. Bhd. Program ini adalah merupakan satu penambahbaikan kepada projek *SchoolNet* yang telah ditamatkan perkhidmatan pada Disember 2010 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Projek 1BestariNet ini adalah merupakan satu program mega KPM ke arah sistem pembelajaran secara atas talian atau sistem pembelajaran yang berasaskan kepada laman web. Dengan penggunaan pelantar *Frog VLE* ini ia bertujuan menggabungkan kaedah pembelajaran secara konvensional dan juga kaedah pembelajaran secara maya atau secara atas talian. Penggunaan *Frog VLE* dikalangan guru-guru telah membantu dalam penghasilan bahan pengajaran yang lebih menarik minat murid serta dapat memotivasikan mereka (Azhar Md Sabil et al., 2020).

Pada tahun 2019, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meningkatkan lagi tahap penggunaan internet di sekolah-sekolah seluruh Malaysia dengan penggunaan pelantar sehenti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMA) sebagai medium pembelajaran maya bagi murid-murid di bawah KPM. Tindakan ini adalah selaras selepas penamatan kontrak



perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Pelantar pendidikan ini bertujuan membantu para guru menjalankan pembelajaran maya mereka dengan lebih mudah kerana pelantar ini juga menyediakan pautan *link* kepada *Google Classroom*, *Microsoft Teams*, buku teks digital dan beberapa bahan lain secara maya. Pelantar DELIMa ini adalah lebih mesra pengguna dan mudah di akses. Secara tidak langsung ia memberikan kelebihan kepada guru-guru dan juga kepada para murid untuk menjadikan DELIMa sebagai pelantar pembelajaran secara maya yang lebih efektif. Chung et al, (2018). Kajian beliau juga menyatakan bahawa pendidikan dalam abad ke 21, mempunyai perkaitan terhadap dua perkara yang tidak boleh dipisahkan iaitu pedagogi guru dan juga penggunaan alat teknologi . Kedua ini akan menjadi pelengkap untuk mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.



Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami pelbagai proses perubahan dan penambahbaikan. Perubahan dalam sistem pendidikan negara kita adalah selari dengan perkembangan teknologi dan maklumat. Perkara ini selari dengan hasrat KPM di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam perkara tujuh dalam sebelas anjakan transformasi sistem pendidikan di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). KPM telah mensasarkan penggunaan ICT secara maksimum bagi pembelajaran jarak jauh dan juga pembelajaran kadar sendiri dengan hasrat memperluaskan akses kepada pengajaran yang berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi dan tahap kemahiran murid.



Pembelajaran abad ke-21 adalah merupakan salah satu bentuk tranformasi yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Melalui PPPM ini , saranan anjakan paradigma dalam melaksanakan amalan pembelajaran dan pemudah cara murid bagi meningkatkan martabat sistem pendidikan di Malaysia sehingga ke peringkat antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Melalui PAK-21, guru-guru dapat merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran dengan lebih berkesan. Sehubungan dengan itu penggunaan aplikasi *Google Clssroom* sebagai pelantar pengajaran dan pembelajaran secara atas talian adalah sangat bertepatan sekali dalam meningkatkan kualiti pembelajaran sebagaimana yang telah disarankan dalam PPPM 2013-2025 iaitu menjana kemenjadian murid. Menurut (Kaviza et. al, 2021) pembelajaran abad ke-21 dengan penggunaan aplikasi *Google Classroom* telah menunjukkan peningkatan terhadap pencapaian dan penguasaan muridnya. Dapatan kajiannya juga menunjukkan peningkatan yang positif terhadap penguasaan pembelajaran mereka. Penggunaan aplikasi *Google Classroom* adalah amat berkesan dalam meningkatkan pembelajaran murid dalam membantu murid lebih memahami sesuatu topik pembelajaran dengan lebih berkesan (Rachel et al., 2021). Beliau juga telah menyarankan supaya satu kajian lanjutan berkaitan penyediaan satu modul pengajaran yang berasaskan penggunaan aplikasi *Google Classroom* dibina bagi menjadikan panduan para guru pada masa akan datang.

Dengan kemajuan teknologi maklumat pada abad ke-21 ini, penggunaannya perlulah melibatkan kesemua mata pelajaran yang terdapat di sekolah dan termasuklah mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Dengan pengaplikasian teknologi yang sedia ada,



secara tidak langsung akan mentransformasikan bidang Pendidikan Jasmani itu sendiri ke arah pembelajaran dan pengajaran yang lebih sempurna dan lebih menyeronokkan, serta menarik minat murid.

Dengan memaksimumkan penggunaan ICT di dalam bidang Pendidikan Jasmani, ia akan memudahkan lagi tugas guru-guru terutama guru-guru Pendidikan Jasmani. Memandang situasi pandemik COVID-19 yang sedang melanda seluruh dunia amnya dan khususnya negara kita Malaysia, penggunaan ICT adalah menjadi satu keperluan yang mendesak. Dengan wabak yang melanda ini, menyebabkan lanskap sistem pendidikan di seluruh dunia telah berubah termasuklah sistem pendidikan di Malaysia. Sesi pengajaran terpaksa dilakukan secara atas talian. Pelantar utama yang menjadi pilihan adalah DELIMA dengan aplikasi *Google Classroom* dan *Google Meet*. Pandemik COVID-19 ini telah membentuk satu budaya pembelajaran baharu iaitu budaya pembelajaran atas talian atau dikenali juga sebagai pembelajaran secara *online*.

Latar Belakang Kajian

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani biasanya dilakukan secara bersemuka di antara guru dan murid-murid. Namun begitu dengan perubahan zaman dan kemajuan teknologi kaedah pengajaran Pendidikan Jasmani juga telah berubah. Sejarar dengan perkembangan teknologi dan maklumat, Pendidikan Jasmani juga telah mengadaptasi penggunaan *Information Communication Technology* (ICT) dalam sesi pengajaran dan



pembelajarannya. Proses pengintergrasian bidang ICT dalam pengajaran Pendidikan Jasmani di Malaysia telah bermula sejak tahun 2010 melalui program *SchoolNet*.

Perubahan demi perubahan terus berlaku mengikut arus peredaran zaman dan kecanggihan teknologi. Kaedah tradisional bagi proses pengajaran dan pembelajaran adalah berkonsep berpusatkan guru. Dalam era abad ke-21 proses pengajaran telah berubah kepada pengajaran berpusatkan murid. Ini adalah selaras dengan kehendak KPM yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dalam pelan tersebut pengajaran adalah lebih tertumpu kepada kaedah pengajaran abad ke-21 (PAK 21) yang lebih berpusatkan murid di mana penglibatan murid secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru hanya menjadi sebagai pemudah cara kepada sesuatu sesi pengajaran. Guru perlu menguasai kemahiran berinteraksi dengan baik bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid ini berjalan dengan lancar dan berkesan. Menurut (Kamarul & Norhafizah , 2013) pembelajaran berpusatkan murid akan meningkatkan ingatan murid ke tahap yang lebih baik, kerana terdapat penglibatan murid secara terus dalam memberikan idea, pembelajaran sendiri, latihan tubi dan juga perbincangan kumpulan. Guru hanya perlu menjadi pemudah cara atau fasilitator terhadap proses pembelajaran yang berpusatkan murid. Ini termasuklah bagi gaya pembelajaran secara atas talian yang menggunakan modul bagi menggalakkan interaksi sosial dikalangan murid (Muszali, 2017).

Kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan modul adalah merupakan satu kaedah yang berkesan dalam proses pengajaran. Pembelajaran berasaskan modul

merupakan satu strategi pengajaran yang berkesan dan dapat meningkatkan pencapaian murid (Khamis & Buang, 2015). Penggunaan modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat memberikan ruang kepada guru merancang aktiviti pengajaran dengan lebih tersusun dalam mencapai sesuatu objektif pengajaran yang telah ditetapkan (Sidek & Jamaludin, 2005b). Dengan penggunaan modul juga dapat melatih diri murid untuk bersikap bekerjasama, berkeyakinan diri, sikap kepimpinan, menunjukkan bakat yang mereka ada serta dapat menarik minat murid terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk menghasilkan modul pembelajaran Pendidikan Jasmani bagi kemahiran asas dalam permainan Bola Baling Tahun 5. Kandungan modul ini adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Penghasilan modul ini adalah bertujuan bagi membekalkan murid-murid dengan satu bahan yang boleh dijadikan panduan untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan penghasilan modul ini setiap sesi pembelajaran dapat disusun dengan lebih teratur. Pembelajaran melalui modul adalah merupakan satu pakej pembelajaran yang lengkap dan sangat sesuai dijalankan untuk sesi pengajaran secara jarak jauh atau secara pos (Sharifah, 1981).

Dengan situasi pandemik COVID-19 yang sedang melanda seluruh dunia secara amnya dan secara khususnya negara kita Malaysia sekarang ini, penggunaan sistem modul

adalah sangat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran jarak jauh serta secara dalam talian. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan modul yang dijalankan secara dalam talian dan secara digital adalah sangat menarik kerana dapat mempelbagaikan visual yang boleh menarik minat murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan (Norhapizah et al., 2016).

Penyataan Masalah

COVID-19 atau juga disebut SARS_CoV-2 yang mula melanda dunia dengan kes pertama yang di laporkan berlaku di Wuhan, China pada Disember 2019 (World Health Organization, 2020). COVID-19 ini telah diistiharkan sebagai satu pandemik yang melanda hampir seluruh dunia. Pandemik ini telah memberikan impak yang sangat besar terhadap semua sektor termasuklah sektor pendidikan. Disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda ini, Perdana Menteri Malaysia telah mengistiharkan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula daripada 18 Mac 2020 dan berlangsung selama 2 minggu (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020).

Perintah kawalan pergerakan (PKP) terus disambung lagi selepas pengumuman pertama dibuat, disebabkan berlakunya peningkatan jangkitan virus COVID-19 di seluruh Malaysia. Disebabkan pengumuman tersebut, pihak KPM telah mengeluarkan satu garis panduan tatacara pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa perintah kawalan pergerakan melalui Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3

Tahun 2020 yang bertajuk Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) semasa perintah kawalan pergerakan disebabkan penularan jangkitan COVID-19 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020b). Surat siaran ini dikeluarkan adalah dengan tujuan untuk memastikan proses PdP dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik bagi memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilakukan walaupun murid-murid tidak dapat menghadiri sesi persekolah seperti biasa.

Proses PdP yang dirancang semasa PKP perlulah dilaksanakan mengikut kaedah yang bersesuaian serta menggunakan medium atau aplikasi yang bersesuaian bagi memastikan objektif PdP dapat dicapai. Bagi memastikan kelangsungan sistem pendidikan norma baharu, pihak KPM telah melancarkan satu pelantar pendidikan digital baharu pada 15 Jun 2020. Pelantar pendidikan digital baharu iaitu *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) adalah dilakukan dengan kerjasama *Google*, *Microsoft* dan *Apple* (*Microsoft Malaysia*, 2020). Program ini adalah merupakan satu program mega yang melibatkan penglibatan yang ramai iaitu lebih 10,000 buah sekolah, 370,000 guru dan juga 2.5 juta orang murid. Sehubungan dengan itu para guru disaran memaksimumkan penggunaan pelantar sehenti pembelajaran digital DELIMa yang telah disediakan oleh pihak KPM. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020b).

Pihak KPM telah mengeluarkan satu buku garis panduan tentang cara pelaksanaan pengajaran di rumah yang dikenali sebagai Buku Manual Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020a). Manual ini adalah penambahbaikan daripada Garis Panduan PdP yang telah dikeluarkan sebelum ini. Dengan

pelancaran buku manual ini, menunjukkan pihak KPM mengambil berat terhadap pelaksanaan PdPR atau pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Ini adalah bagi memastikan kelangsungan pembelajaran dapat diteruskan walaupun berhadapan dengan situasi yang agak sukar iaitu Pandemik COVID-19.

Antara kaedah yang disarankan dalam Manual PdPR untuk pengajaran dan pembelajaran melalui pelantar DELIMa, adalah dengan menggunakan kaedah modul (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020a). Pembelajaran menggunakan kaedah modul menunjukkan peningkatan tahap pemahaman murid dan pengajaran menjadi lebih menarik dengan bahan-bahan yang pelbagai diberikan kepada murid (Nur & Nordin, 2019). Menurut Jamunarani (2016), penggunaan modul menyumbang kepada proses pembelajaran serta proses mengingati teknik-teknik yang dipelajari.

Objektif Kajian

Berdasarkan latar belakang dan pernyataan masalah kajian, objektif kajian yang ditetapkan adalah seperti berikut :

- i. Menentukan nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen pengajaran kemahiran asas permainan bola baling secara PdPR dengan menggunakan Pelantar DELIMa.

- ii. Mengenal pasti tahap pencapaian murid melalui pentaksiran formatif berdasarkan modul pembelajaran asas kemahiran bola baling secara PdPR melalui Pelantar DELIMa.
- iii. Menentukan tahap kesan pembelajaran menggunakan modul pembelajaran asas permainan bola baling secara PdPR melalui pelantar DELIMa menurut persepsi guru.

Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan objektif, penyelidikan ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan yang berikut :

- a) Sejauh manakah nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen pengajaran kemahiran asas permainan bola baling secara PdPR dengan menggunakan pelantar DELIMa ?
- b) Apakah tahap pencapaian pembelajaran murid dengan menggunakan modul pembelajaran kemahiran asas permainan bola baling dalam Pendidikan Jasmani melalui pelantar DELIMA dengan menggunakan kaedah PdPR ?
- c) Menilai sejauh mana tahap persetujuan guru dengan penggunaan modul pengajaran secara atas talian dengan menggunakan pelantar DELIMa.



Kepentingan Kajian

Penghasilan modul pembelajaran Pendidikan Jasmani bagi kemahiran asas permainan bola baling adalah bertujuan memberikan manfaat kepada beberapa pihak yang terlibat. Penghasilan modul ini adalah bertujuan sebagai cadangan kepada proses penambahbaikan dan peningkatan kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Secara tidak langsung dapat merealisasikan matlamat pendidikan ke arah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Di antara pihak yang mempunyai manfaat dalam kajian ini adalah seperti berikut:



1.1.1 Guru

Modul pembelajaran ini adalah bertujuan memudahkan para guru menjalankan sesi PdPR mereka. Modul ini adalah bersesuaian dengan corak pengajaran sekarang yang tidak bersemuka. Dengan penghasilan modul ini akan membantu murid untuk lebih memahami sesuatu tajuk yang mereka pelajari. Modul ini juga amat sesuai diaplikasikan semasa guru merancang dan melaksanakan pembelajaran Pendidikan Jasmani berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).



1.1.2 Murid

Konsep pembelajaran abad ke-21 adalah lebih kepada berpusatkan murid serta memberikan lebih tumpuan kepada penerokaan. Jika dilihat dari konsep pembelajaran abad ke-21, penghasilan modul ini sangat membantu murid dalam meneroka peluang dan merasai sendiri pengalaman Pendidikan Jasmani dengan kaedah yang berbeza dan lebih afektif daripada kaedah pembelajaran Pendidikan Jasmani secara tradisional.

Murid mempunyai kelebihan untuk mengakses bahan kandungan yang diajar oleh guru melalui pelantar DELIMa dengan menggunakan aplikasi *Google Classrom* yang telah disediakan oleh guru pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada. Dengan cara ini akan menjadikan pendidikan yang di wujudkan adalah pendidikan tanpa sempadan yang tiada batas waktunya. Pembelajaran boleh dilakukan oleh murid tanpa mengira waktu walaupun tanpa bersemuka.

1.1.3 Ibu Bapa dan Masyarakat

Pembelajaran Pendidikan Jasmani melalui kaedah modul, memberikan peluang kepada ibu bapa dan penjaga untuk menyemak tugas anak-anak mereka sendiri. Secara tidak langsung ibu bapa dapat memantau dan mengetahui perkembangan pembelajaran anak-anak mereka. Melalui modul pembelajaran ini juga, dapat membuka mata ibu bapa serta

masyarakat bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani bukanlah hanya boleh berlaku di padang sahaja, malah ia boleh dilaksanakan di mana-mana sahaja.

1.1.4 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kaedah pembelajaran berasaskan modul bagi matapelajaran Pendidikan Jasmani ini juga, adalah merupakan cara pembelajaran abad ke -21 iaitu pembelajaran berpusatkan murid, yang menggalakkan murid melakukan penerokaan dengan sendirinya. Selain itu juga penghasilan modul merupakan satu cara untuk merealisasikan hasrat KPM yang termaktub di dalam Sebelas Anjakan Transformasi Sistem dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025 yang mana salah satu daripada sebelas anjakan itu adalah berkaitan memaksimumkan penggunaan ICT di dalam pembelajaran bagi memastikan murid memperolehi pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Limitasi Kajian

Sesuai penyelidikan yang dijalankan mempunyai limitasi penyelidikannya yang tersendiri. Limitasi kajian yang mungkin dihadapi adalah kemungkinan terdapat kelemahan daripada penyelidik sendiri, yang mana kemungkinan perkara tersebut adalah berada di luar kawalan penyelidik.



Penyelidikan yang dijalankan ini adalah terbatas kepada murid yang mempunyai kemudahan peranti dan juga kemudahan *wifi* serta data internet sahaja. Selain itu juga penyelidikan ini adalah terbatas juga kepada murid yang mempunyai kemahiran yang agak baik dalam penggunaan komputer. Selain itu juga penyelidikan ini hanya dijalankan kepada satu kemahiran asas permainan bola baling sahaja iaitu kemahiran hantaran.

Definisi Operasional

Definisi operasional dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut :



1.1.5 Modul Pembelajaran Atas Talian Permainan Bola Baling Terhadap Proses PdPR Menggunakan Pelantar DELIMa

Penyelidikan yang dijalankan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk menghasilkan satu modul pengajaran secara atas talian bagi kemahiran asas permainan bola baling dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah yang akan menggunakan pelantar sehenti DELIMa.





1.1.6 Modul Atas Talian / Online

Kaedah pengajaran yang akan dilaksanakan adalah menggunakan modul dan dijalankan sepenuhnya secara atas talian atau secara *online*.

1.1.7 Permainan Bola Baling

Permainan bola baling dalam konteks penyelidikan ini adalah menjurus kepada kemahiran hantaran. Jenis kemahiran yang biasa digunakan ketika di dalam permainan bola baling iaitu hantaran atas kepala, hantaran sisi, hantaran aras dada dan hantaran lantun. Kemahiran ini dirujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) tahun 5 di bawah tajuk kemahiran sukan kategori sukan serangan.

1.1.8 DELIMa

Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) merupakan satu pelantar pembelajaran maya yang disediakan oleh pihak KPM dengan usahasama dengan *Google*, *Apple* dan *Microsoft*. DELIMa adalah satu sistem pembelajaran maya yang berasaskan web yang disediakan kepada semua sekolah di seluruh Malaysia. DELIMa juga turut menyediakan beberapa kemudahan aplikasi lain, seperti *Google Classroom*, *Microsoft*





Teams, Zoom dan Youtube yang mudah dikendalikan serta dapat menarik minat murid menjalani proses pembelajaran yang dilakukan secara maya.

